



PERINCIAN PROGRAM RAKAN-RAKAN KERJASAMA



BENGKEL PENULISAN KREATIF

Dianjurkan khas untuk pelajar sekolah menengah berumur 13 hingga 16 tahun, bengkel penulisan kreatif ini bertujuan untuk memupuk minat menulis dalam kalangan para peserta, memupuk rasa cinta terhadap sastera Melayu serta menyemai keyakinan kemahiran penulisan dalam diri mereka.

Bengkel ini akan mengajar pelajar proses dan teknik menulis cerpen, termasuk satira, mengenang kembali, dialog dan penulisan surat. Pelajar juga akan diajar penggunaan bahasa yang betul dan sesuai semasa penulisan.

Di akhir bengkel penulisan kreatif ini, para peserta akan menggunakan teknik-teknik yang dipelajari untuk mengarang cerpen mereka sendiri.

ANGKAAN SASTERAWAN (ASAS '50)

Ditubuhkan pada 6 Ogos 1950 dan didaftar pada 22 Jun 1951, Angkatan Sasterawan '50 diketuai oleh penulis-penulis berinspirasi seperti Muhd Ariff Ahmad, Masuri Salikun dan kemudian Usman Awang (Malaysia) dan Suratman Markasan. Kini, penulis generasi baharu seperti Mohd Latif Mohd dan Abdul Samad Salimin mengetuai Asas '50. Penulis perintis telah diberi kehormatan di Singapura dan di rantauan bagi dedikasi mereka.

Lebih dikenali sebagai Asas '50, badan ini memainkan peranan penting dalam memberi pendedahan kepada kesusasteraan Melayu moden. Namanya sinonim dengan perjuangan kemerdekaan dan kebangkitan manusia daripada kemiskinan. Selepas perpisahan daripada Malaysia, Asas '50 bertekad untuk membuktikan bahawa bahasa dan sastera Melayu boleh bertahan walaupun dalam masa genting. Asas '50 aktif menganjurkan ceramah, bengkel, seminar, peraduan mengarang dan bertanggungjawab dalam merumuskan Anugerah Persuratan dan Bulan Bahasa yang kini diadakan setiap tahun. Asas '50 juga diiktiraf sebagai badan kesusasteraan Melayu yang pertama di rantau ini untuk mengadakan Pertemuan Sasterawan Nusantara pada 1977. Pertemuan yang terakhir diadakan di Singapura pada 2003.



MALAM SASTERA BERITA HARIAN 2015


Malam Sastera Berita Harian mengajak tetamu menghayati dan menghargai keindahan puisi dan penulisan kreatif Melayu dalam bentuk persembahan, nyanyian dan deklamasi puisi.

Penonton akan dapat berseronok dengan selebriti-selebriti seperti personaliti radio Melayu popular dan penyair Adi Rahman, veteran radio, televisyen dan pelakon teater Norsiah Hamid, dan kumpulan rok internasional Rausyanfikir.

Penonton akan dapat mengambil bahagian dalam forum eksklusif bertajuk “Wacana Berita Harian 2015,” anjuran BeritaHarian.sg, dengan Menteri Perhubungan dan Penerangan Dr Yaakob Ibrahim, sebagai tetamu terhormat. Forum ini akan membincangkan kegunaan dan amalan bahasa Melayu pada era digital pada hari ini bersama panel pakar yang akan meneliti aspek-aspek yang berkaitan dengan bidang profesional mereka.

BERITAHARIAN.SG

BeritaHarian.sg merupakan edisi digital akhbar Berita Harian Singapura, terbitan *Singapore Press Holdings*.



People's Association

YOK BERCERITA 2015

Yok Bercerita adalah sebuah pertandingan bercerita kreatif yang dibuka kepada pelajar-pelajar sekolah rendah. Pada tahun lepas, ia dianjurkan sempena Bulan Bahasa 2014 dan telah mendapat 18 kumpulan dan seramai 800 penduduk untuk menyokong Bulan Bahasa.

Tahun ini, tema Yok Bercerita 2015 diilhamkan oleh Filem Klasik Melayu arahan P. Ramlee.

TIGA K - KELUARGA, KAWAN, KOMUNITI

Tiga K adalah sebuah acara seni persembahan termasuk deklamasi puisi, nyanyian lagu-lagu asli dan persembahan budaya.

Tumpuan 'Keluarga, Kawan, Komuniti' berkaitan dengan bagaimana setiap golongan bekerjasama untuk meningkatkan kesedaran pemahaman, komunikasi dan penyampaian Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian.

Persembahan selama 90 minit ini terdiri daripada 'Yok Bercerita' , Tiga K, serta nyanyian lagu tema Bulan Bahasa beramai-ramai.

CHUA CHU KANG GRC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerja bersama Jawatankuasa Pengurusan Balai Rakyat (CC) dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam kursus-kursus CC, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan ehwal negara. Ia juga menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat.



中正中学 CHUNG CHENG HIGH SCHOOL (MAIN)

KUIZ BAHASA DAN BUDAYA 2015 - PROGRAM KHAS BAHASA MELAYU (MSP)

Buat julung-julung kalinya, Sekolah Tinggi Chung Cheng (Utama) bakal menganjurkan pertandingan kuiz yang ditujukan khas bagi pelajar-pelajar bukan Melayu yang mengambil bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga. Direka khas untuk semua pelajar Program Khas Bahasa Melayu (MSP) di seluruh Singapura, kuiz ini memberi peluang kepada pelajar untuk menjalin hubungan serta bertutur dalam bahasa Melayu di luar bilik darjah. Pertandingan ini juga mendedahkan pelajar kepada bahasa Melayu dan menggalakkan semangat pertandingan dan kecemerlangan dalam diri mereka.

Terdapat tiga pusingan dalam Kuiz Bahasa dan Budaya:

- Pusingan 1 – Bahasa Melayu
Pelajar-pelajar akan menjawab soalan tatabahasa dan soalan-soalan lain yang berkaitan dengan bahasa.
- Pusingan 2 – Budaya Melayu
Pelajar-pelajar akan menjawab soalan mengenai budaya Melayu seperti nama bagi baju-baju Melayu.
- Pusingan 3 – Singapura
Sempena perayaan SG50, pelajar-pelajar akan menjawab soalan mengenai Singapura.

SEKOLAH TINGGI CHUNG CHENG (UTAMA)

Diasaskan pada tahun 1939, Sekolah Tinggi Chung Cheng (Utama) bermula sebagai sekolah lelaki di Kim Yan Road, dan membenarkan masuk pelajar perempuan selepas Perang Dunia Kedua. Oleh kerana selalu meraih keputusan yang cemerlang untuk Peperiksaan GCE Peringkat 'O', Sekolah Tinggi Chung Cheng (Utama) menerima status autonomi pada tahun 1996. Pada tahun 2010, sekolah ini telah menerima *School Excellence Award* (SEA) dan *Best Practice Award (Student All-Rounded Development)*.



People's Association

CERAMAH “SASTERA REMAJA – DULU, KINI DAN ...”

Ahli panel yang diundang akan menyentuh tentang sastera dewasa muda di Singapura dan masa hadapan genre ini. Penutur termasuk Cik Nor Hasnah Adam dan Cik Noridah Kamari.

Acara ini juga memberi peluang kepada penonton untuk menyuarakan pendapat mereka mengenai perkembangan bahasa dan budaya Melayu di Singapura.

DOVER CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) menggalakkan perpaduan sosial melalui pelbagai aktiviti budaya, pendidikan, sosial dan aktiviti masyarakat lain yang dianjurkan khas untuk masyarakat.



YOK... YOK! BALIK KAMPUNG! @ CORAL

YOK...YOK! BALIK KAMPUNG! @ CORAL dianjurkan khas untuk pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah Kelompok 1 Timur. Kegiatan ini berbentuk pertandingan dan diharap akan memperkukuhkan hubungan kekeluargaan dan membolehkan pelajar-pelajar menimba ilmu melalui pengalaman dan pembelajaran.

Para peserta yang terdiri daripada seorang pelajar dan seorang anggota keluarga akan melengkapkan tujuh tugas yang merangkumi aspek-aspek bahasa dan budaya Melayu. Tiga kumpulan yang melengkapkan kesemua tujuh tugas dalam masa yang tersingkat akan memenangi hadiah.

Tujuh tugas tersebut ialah:

1. Permainan Tradisional Melayu
2. Pakaian Tradisional Melayu
3. Makanan Tradisional Melayu
4. Kraftangan Tradisional Melayu
5. Bahasa Melayu
6. Rempah Ratus Melayu
7. Tapak Warisan Melayu

Tugasan-tugasan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap bahasa dan budaya Melayu.

KUMPULAN SOKONGAN BAHASA MELAYU KELOMPOK 1 TIMUR (BAHASA MELAYU)

Kumpulan Sokongan Bahasa Melayu Kelompok 1 Timur terdiri daripada sekolah-sekolah seperti Sekolah Menengah Coral, Sekolah Menengah Pasir Ris Crest, Sekolah Menengah Hai Sing Catholic, Sekolah Menengah Greenview, Sekolah Menengah Loyang, Maktab Rendah Meridian, Sekolah Rendah Coral, Sekolah Rendah Elias Park, Sekolah Rendah Loyang, Sekolah Rendah Meridian, Sekolah Rendah Punggol Green dan Sekolah Rendah Punggol View.

Kumpulan Sokongan Bahasa Melayu Kelompok 1 Timur giat menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti Pertandingan Sahibba antara sekolah dan sesi-sesi perkongsian profesional berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.



SESI AKUSTIKA BERSAMA FARIDZUAN FARIS

Penyanyi dan penulis lagu Faridzuan Faris akan menyanyikan tiga lagu tulisannya sendiri untuk set istimewa bagi Bulan Bahasa 2015. Lagu-lagu ini termasuklah “Lafaz Hati”, “Tusuk” dan “Selamat Tinggal Sayang”.

Beliau juga akan mengongsikan tentang pengalamannya dalam penulisan lagu- bagaimana beliau memilih rentak lagu yang sesuai, membuat keputusan tentang memilih perkataan yang tepat sebagai lirik lagu dan mencari ilham.

FARIDZUAN FARIS

Faridzuan mengeluarkan single pertamanya ‘Selamat Tinggal Sayang’ tahun ini yang telah menduduki tempat pertama dalam carta RIA Chartz 897FM selama dua minggu berturut-turut. Salah seorang ahli kumpulan Soulmstrs, Faridzuan telah memenangi tiga pingat emas semasa mewakili Singapura dalam pertandingan *World Championship of Performng Arts* yang diadakan di Hollywood, California. Faridzuan bersedia untuk menggegarkan industry muzik tempatan.



SERONOK DENGAN BAYANG-BAYANG

Bersedialah untuk menghasilkan boneka bayang-bayang dan mencipta cerita anda sendiri dalam bengkel boneka bayang-bayang ini. Anda akan dapat menerokai imaginasi dan kreativiti anda dalam gelap!

Sesuai untuk ibu bapa dan kanak-kanak, bengkel ini memberi peluang kepada anda untuk menggunakan imaginasi dan mengekspresikan daya kreatif anda melalui boneka bayang-bayang. Anda akan dibimbing dalam menghasilkan boneka serta membina jalan cerita sendiri dan menjayakan sebuah pertunjukan bayang-bayang pada akhir sesi tersebut.

FUNPLAY WORKSHOP

Ditubuhkan pada 2014, Bayang Troupe ialah kumpulan teater di bawah naungan Funplay Workshop yang mengandungi sekumpulan ahli teater yang berazam untuk menginspirasi generasi muda untuk mengekspresikan daya kreatif mereka melalui bahasa, boneka dan bayang-bayang. Bayang Troupe telah mengadakan beberapa bengkel di sekolah dan tempat awam dan akan membuat pementasan pertama pada Oktober 2015.



People's Association

BENKEL PENULISAN & DEKLAMASI PUISI

Disampaikan oleh Professor Awang Sariyan dan Mohd Khair Yasin, bengkel penulisan ini akan diadakan berdasarkan tema memupuk “Kesopanan melalui Puisi”.

Para peserta juga akan mempelajari kemahiran penyampaian puisi daripada Puan Haryani Haron, Juara Nasional Deklamasi Puisi, Malaysia yang akan menyampaikan bengkel ini.

Semua peserta akan mendapat sijil yang akan diberikan di akhir bengkel ini.

LENERA PUISI III

Ditajuk “Lentera Puisi III”, acara ini kembali untuk kali ketiga untuk menyediakan pentas bagi penyair yang baharu serta yang terkenal untuk berpuisi.

Disokong oleh MLLPC dan MBMS, acara ini juga memaparkan persembahan-persembahan yang menggabungkan tarian dan puisi dengan penari-penari dari Singapura, Malaysia dan Indonesia.

FUCHUN CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu Balai Rakyat (CC) Fuchun telah dilancarkan bersama Marsiling CC MAEC pada 31 Ogos 1997.



CERITA-CERITA SINGAPURA DENGAN RAKAN-RAKAN TAMAN

Pada 5 dan 6 September, pelajar-pelajar yang dilantik sebagai Rakan Bahasa oleh sekolah mereka akan menjadi pemandu taman *Floral Display* "Cerita-cerita Singapura" di Flower Dome.

Para pengunjung akan terpegun dengan keyakinan dan kemahiran murid-murid ini berbahasa Melayu sambil mengisahkan tentang kisah-kisah dan legenda-legenda Singapura sepertimana yang diceritakan oleh pameran orkid dan bunga-bunga lain.

GARDENS BY THE BAY

Visi

Dunia taman kami untuk dimiliki, dinikmati dan dihargai oleh semua.

Misi

Kami membuat taman-taman kami sebagai pilihan destinasi makan angin untuk semua.

Kami menggembirakan pengunjung-pengunjung kami dengan menyediakan suatu pengalaman yang menarik, perkhidmatan yang cemerlang dan program yang memberangsangkan.

Kami bertujuan untuk menjadi contoh sebagai pembangunan yang abadi dan pemuliharaan.



People's Association

PESTA SYAIR 2015

Pesta Syair akan dimulakan dengan bengkel penulisan syair yang dijalankan oleh Cikgu Sharifah Yatiman yang akan diikuti dengan peraduan. Acara ini turut akan memaparkan persembahan syair oleh Geylang Nilam Mutiara.

Perduan syair terbuka kepada murid-murid sekolah rendah, daripada darjah 3 hingga 6 di mana sekolah yang terbaik akan dianugerahkan piala cabaran.

Ibu bapa dan guru-guru digalakkan untuk menyertai acara ini dengan syair secara spontan.

GEYLANG SERAI CC MAEC

Geylang Serai CC MAEC adalah sebahagian daripada organisasi akar umbi yang menganjurkan kegiatan-kegiatan budaya Melayu.



PERSEMBAHAN DIKIR BARAT DAN BERCAKAP PETAH

Kanak-kanak prasekolah Iman Kindergarten And Childcare akan mempersembahkan tiga persembahan dikir barat yang menarik. Mereka akan bernyanyi, bertepuk tangan dan menari mengikut rentak si tukang karut.

Khas untuk tahun ini, si tukang karut cilik akan mempersembahkan berdasarkan tema SG50, mengenai orang, budaya dan makanan Singapura yang akan disertakan dengan iringan perkusi seperti maracas, rebana dan gong.

Kanak-anak pra-sekolah Iman juga akan menunjukkan kebolehan mereka dalam acara Bercakap Petah. Kanak-kanak ini akan diberi tajuk-tajuk untuk bercakap secara spontan. Tajuk-tajuk termasuk 'Rama-rama yang sombong', 'Ikan Todak' dan 'Bagaikan Isi dengan Kuku'.

Acara ini bukan sahaja memberi mereka peluang untuk memupuk keberanian berbicara dengan petah di hadapan khalayak ramai, malah, tradisi lisan atau kebolehan bercerita, menyanyi dan pementasan gerak dan tari merupakan cara kita melestarikan bahasa dan menerapkan kebudayaan Melayu dari usia sekecil kanak-kanak prasekolah.

TUNAS BUDAYA: PERSEMBAHAN SENI OLEH PRASEKOLAH IMAN

Saksikan murid-murid muda yang penuh bertenaga mempamerkan bakat-bakat mereka untuk mempromosikan kegunaan bahasa Melayu baku melalui persembahan mereka.

Menarik dan dipenuhi dengan ilmu, pameran budaya ini sesuai untuk dinikmati seluruh keluarga.

IMAN KINDERGATEN AND CHILDCARE PTE LTD

Tadika dan Tajaka Iman menyediakan program awal kanak-kanak yang kreatif dan ceria dengan penekanan pada nilai-nilai budaya. Pada masa ini, kami mengendalikan sebanyak 11 tadika dan pusat penjagaan kanak-kanak di seluruh Singapura. Kami menerapkan nilai-nilai murni dalam mengejar kecemerlangan akademik; program menyeluruh untuk kebaikan dan pembentukan peribadi untuk pembangunan kanak-kanak yang menyeluruh.



People's Association

TRANSFORMASI KATONG-SIGLAP

Seminar dan perbincangan ini memberi peluang kepada para peserta untuk ketahui tentang perubahan kawasan Katong-Siglap, dahulu dan sekarang.

Dikendalikan oleh Dr Imran Tajuddin, Pensyarah Kanan, Jabatan Architecture, Universiti Nasional Singapura, para peserta akan dapat mengetahui tentang bagaimana orang Katong-Siglap telah menyumbang kepada keharmonian sosial dan bangsa semasa tahun-tahun awal Singapura. Dr Imran juga akan mengongsikan tentang perkembangan daerah-daerah tersebut dan perubahan geografi.

Acara ini terdiri daripada forum dan sesi soal jawab bersama empat penduduk katong-siglap yang mewakili generasi perintis. Diketuai oleh Encik Rahman Daud, penduduk-penduduk Katong-Siglap ialah Encik Mohammad Tahiruddin S Kandarisman, Puan Halizah Maksom, Encik Nailul Hafiz dan Encik Peter Wee.

Terdapat juga video yang akan memaparkan temu bual dengan penduduk Katong-Siglap pada masa lalu, pameran buku dan gambar serta permainan yang akan untuk mengalakkan penyertaan para hadirin.

JOO CHIAT CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Joo Chiat ialah Jawatankuasa Kecil Balai Rakyat Joo Chiat di bawah naungan Persatuan Rakyat (PA). MAEC sangat aktif menganjurkan acara-acara yang bersangkutan dengan kegiatan Melayu dan budaya Melayu di Singapura.



People's Association

BAHASAKU GEMILANG

Bahasaku Gemilang merupakan Majlis Perasmian Bulan Bahasa di kawasan Jurong GRC. Acara ini akan memaparkan persembahan muzik, tarian, permainan dan sebagainya.

Salah satu aktiviti yang akan diadakan ialah pameran-pameran yang dibuat khas untuk para pelajar. Terdapat pameran yang merangkumi aspek-aspek bahasa seperti Pameran Peribahasa dan Pameran Penyusunan Ayat, serta pameran yang merangkumi aspek-aspek budaya seperti Pameran Permainan Tradisional dan Pameran Dikir Barat. Misalnya, untuk pameran permainan tradisional, para pelajar akan mendapat mempelajari tentang permainan seperti congkak dan sepak raga secara tuntas. Mereka juga akan dapat tahu tentang asal-usul permainan-permainan ini. Yang menariknya, pameran ini akan disertakan dengan satu pertandingan di mana para pelajar, dalam kumpulan masing-masing, harus melengkapkan lembaran kerja sambil melawati setiap pameran yang diadakan. Kumpulan yang menjawab paling banyak soalan yang betul dalam masa yang tersingkat akan memenangi hadiah.

Selepas pertandingan ini, para penonton akan dihiburkan dengan persembahan nyanyian dan persembahan "Dondang Eh Sayang" iaitu iringan muzik secara langsung bersama persembahan tarian.

JURONG GRC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Jurong GRC terdiri daripada enam buah balai rakyat di kawasan Jurong iaitu Balai Rakyat Bukit Batok East, Bukit Batok, Taman Jurong, Jurong Spring, Jurong Green dan Yuhua.



MARI BERCERITA – KANAK-KANAK REMPAH ASIA!

Sertai penulis Shekinah Linn di mana beliau akan memperkenalkan peserta kepada alam menarik Kanak-kanak Rempah Asia. Peserta juga akan mempelajari tentang pelbagai rempah ratus melalui cerita-cerita yang akan dikongsikan.

Turut diadakan ialah aktiviti-aktiviti untuk kanak-kanak seperti aktiviti mewarna, permainan kad dan aktiviti-aktiviti lain berdasarkan cerita-cerita Kanak-kanak Rempah Asia.

KESATUAN GURU MELAYU SINGAPURA (KGMS)

Kesatuan Guru Melayu Singapura (KGMS) merupakan pertubuhan profesional yang ditubuhkan pada 1947. Ahli KGMS terdiri daripada guru-guru Melayu yang mengajar subjek-subjek daripada sekolah rendah hingga peringkat pra-universiti.

KGMS memberi bantuan dan nasihat kepada ahli kami dalam pekerjaan mereka. KGMS sering mengadakan dan menganjurkan seminar, kursus dan bengkel untuk pembangunan profesional ahli kami.

KGMS juga bekerjasama dengan pertubuhan, sekolah, dan individu untuk projek bahasa, sastera dan budaya yang memberi manfaat kepada pelajar, guru dan masyarakat.

SHEKINAH LINN

Shekinah Linn telah menulis buku siri dwibahasa berjudul Kanak-kanak Rempah Asia. Terdapat dua versi buku ini- satu dalam bahasa Inggeris dan Mandarin dan, lagi satu dalam bahasa Inggeris dan Melayu. Cerita-cerita ini telah diterjemahkan oleh Kesatuan Guru Melayu Singapura. Cerita-cerita ini sesuai untuk kanak-kanak prasekolah dan sekolah rendah.



People's Association

KEMBARA 2015. SINGAPURAKU CERITAKU.

Dibuka kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah, pertandingan mengarang ini dianjurkan untuk menggalakkan murid-murid mempupuk kemahiran menulis dalam bahasa Melayu.

Pelajar-pelajar akan menulis esei berdasarkan tema "Singapuraku Ceritaku" yang merangkumi pelbagai topik termasuklah keluarga, masyarakat, makanan dan budaya. Mereka juga menulis tentang harapan mereka untuk masa depan Singapura.

Semasa majlis penyampaian hadiah, para penonton dan peserta akan menikmati tarian melayu tradisional dan persembahan silat semasa majlis perkahwinan, serta demonstrasi membuat tanjak, gubahan dan cara-cara memakai tudung.

KIM SENG CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) balai rakyat Kim Seng adalah sebahagian daripada akar umbi yang menganjurkan aktiviti-aktiviti budaya Melayu.



People's Association

PERADUAN LAGU-LAGU ASLI

Penduduk Marine Parade akan dapat menunjukkan bakat menyanyi mereka di Peraduan Lagu-lagu Asli, anjuran MAEC Balai Rakyat Marine Parade.

Dianjurkan untuk remaja dan orang dewasa dalam masyarakat, para peserta akan mendendangkan lagu-lagu klasik dari tahun 60-an sehingga tahun 90-an daripada filem dan drama terkenal.

Peraduan ini menyediakan pengalaman yang seronok dan terdapat unsur-unsur pendidikan untuk semua di mana penonton dan peserta boleh mempelajari tentang bahasa dan budaya Melayu serta nilai-nilai baik yang boleh didapati daripada lirik-lirik lagu. Ia juga merupakan peluang untuk memupuk kesedaran dan minat pada bahasa dalam kalangan muda melalui muzik dan lagu.

MAEC BALAI RAKYAT MARINE PARADE

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Balai Rakyat Marine Parade adalah sebahagian daripada akar umbi balai rakyat yang menganjurkan aktiviti-aktiviti budaya Melayu.



People's Association

PESTA WARISAN MELAYU 2015 @ KATONG PARK

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Mountbatten, Marine Parade, Joo Chiat dan Siglap South telah bekerjasama untuk menganjurkan Pesta Warisan Melayu 2015 @ Katong Park.

Acara ini bertujuan untuk:

1. Memaparkan bahasa, budaya dan warisan Melayu sebagai sebahagian daripada identiti dan warisan Singapura;
2. Melibatkan warga-warga baharu dan yang bukan Melayu dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan budaya dan warisan Melayu;
3. Menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian untuk memastikan bahasa Melayu berkekalan melalui kegunaan bahasa yang berterusan;
4. Mumupuk nilai-nilai yang boleh dipelajari daripada generasi perintis melalui perkongsian pelbagai karya-karya sastera Melayu.

Acara lapan jam ini akan memaparkan pelbagai program yang boleh dinikmati oleh semua, tidak kira usia.

Aktiviti-aktiviti ini termasuk:

- Persembahan Pentas, termasuk Dikir Barat, Gamelan dan Tarian Tradisional Melayu
- Perlumbaan bahasa Melayu di mana penduduk akan membentuk kumpulan seramai empat hingga enam orang untuk menjawab soalan-soalan dan menyelesaikan cabaran-cabaran di lapan stesen di serata Katong Park
- Demonstrasi Permainan Tradisional, termasuk Sepak Takraw, Congkak dan Gasing
- Seni Visual Tradisional, termasuk Batik dan lukisan potret
- Pameran artifak Melayu tradisional, termasuk keris, jong dan wau
- Stesen makanan untuk merasa makanan tradisional Melayu seperti kueh, biskut dan keropok.

MOUNTBATTEN, MARINE PARADE, JOO CHIAT, SIGLAP SOUTH MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Joo Chiat, Marine Parade, Mountbatten and Siglap South merupakan pertubuhan akar umbi di bawah naungan Persatuan Rakyat. Selain daripada menganjurkan acara untuk menyatukan masyarakat, jawatankuasa ini juga bertujuan mempromosikan dan menganjurkan aktiviti untuk memupuk kesedaran bahasa, budaya dan warisan Melayu kepada masyarakat.



BENKEL PENULISAN LIRIK

Dianjurkan oleh Ethnic Shadows, bengkel penulisan lirik membantu mereka yang baru berjinak-jinak dengan penulisan lagu dengan memupuk kemahiran yang diperlukan untuk menulis idea dengan baik serta menyenaraikan apa yang patut dan yang tidak patut dilakukan semasa menulis lagu.

Peserta akan digalakkan untuk mengembangkan daya kreatif dan pemikiran mereka semasa menjalani sesi mencetuskan idea dengan peserta-peserta yang lain untuk menghasilkan lirik tersendiri secara berkumpulan.


Bengkel ini juga akan menggalakkan kegunaan bahasa Melayu serta memupuk ciri-ciri arif budiman melalui pembelajaran sastera Melayu tradisional.

ETHNIC SHADOWS

Ditubuhkan pada Julai 2012, Ethnic Shadows merupakan ilham dua orang pemain genderang dan penggiat seni Dikir Barat di Singapura. Sepanjang penglibatan mereka dalam arena seni, mereka berpendapat perlunya diteruskan tradisi serta dikekalkan legasi bidang-bidang kesenian ini.

Ethnic Shadows mengetengahkan seni Wayang Kulit Kelantan, Dikir Barat dan Kompang. Meskipun baru bertapak, pelatih-pelatih Ethnic Shadows mempunyai banyak pengalaman mengajar dan mempunyai ilmu yang mendalam tentang seni. Hampir kesemua pelatih telah mempelajari tentang seni dan pernah membuat persembahan di Kelantan, Malaysia. Di samping itu, Ethnic Shadows turut menghulurkan perkhidmatan dalam seni lain seperti tarian, drama serta angklung.

Ethnic Shadows juga bekerjasama dengan pelbagai syarikat-syarikat seni dan individu-individu berbakat untuk membuat persembahan-persembahan serta mengendalikan program dan bengkel yang pelbagai dan berkualiti. Syarikat ini terus mengembangkan rangkaianannya bagi menyediakan lebih banyak peluang bekerjasama supaya para pelanggannya dapat meraih pengalaman unik.



NEK SELAMPIT & LEGENDA SINGAPURA

Nek Selampit ialah seorang penglipur lara yang gemar bercerita tentang mitos dan legenda Singapura.

Sertai kami untuk sesi bercerita interaktif yang mengisahkan tentang 'Sang Kancil & Buaya' dan 'Badang' di mana Nek Selampit menggunakan boneka serta aktiviti-aktiviti menarik.

Pencerita:

Penulis, pendidik dan penglipur lara, Jumaini Ariff semakin dikenali ramai setelah buku bergambar tulisannya, "Ariff Ingin Tahu" diterbitkan. Jumaini juga seorang anggota Persatuan Pencerita-Pencerita Singapura (SAS) dan berharap untuk menghidupkan kembali cinta kepada bahasa Melayu melalui aktiviti bercerita.

MAJLIS PEMBANGUNAN PERBUKUAN NASIONAL SINGAPURA

Majlis Pembangunan Perbukuan Nasional Singapura (NBDCS/ Majlis Perbukuan) adalah sebuah pertubuhan amal yang setia untuk memenuhi kepentingan para penulis, pencerita, penerbit buku, perpustakaan dan penyokong bahasa dan kesusasteraan. Majlis Perbukuan bekerja rapat dengan agensi-agensinya pemerintah, organisasi yang sehaluan dan para individu untuk mengadakan festival penulisan, sastera dan kursus-kursus berkaitan dengan bidang bercerita, penulisan dan penerbitan buku.

Maklumat lanjut mengenai Majlis Perbukuan boleh didapati di laman berikut: www.bookcouncil.sg.



BENGKEL MEMUPUK MINAT MEMBACA

Bengkel Memupuk Minat Membaca untuk para ibu bapa ini bersifat interaktif dan bertujuan menanam rasa gemar membaca dalam diri kanak-kanak. Ibu bapa juga akan mengetahui bagaimana hubungan mereka dengan anak-anak dapat dipereratkan lagi dengan membaca bersama.

SESI BERECERITA BERSAMA JURUHEBAH MEDIACORP

Datanglah beramai-ramai dengan keluarga anda untuk menikmati sesi bercerita istimewa oleh deejay Singapura TG dari WARNA 94.2FM dan Fiza O dari Ria 89.7FM.

MENEBAR SAYAP SASTERA MELAYU SINGAPURA KE PERSADA DUNIA

Ceramah ini yang berjudul “Pemasaran Hasil Karya Kesusasteraan Melayu di luar Singapura” akan dipersembahkan oleh Isa Kamari, seorang pemenang *Cultural Medallion* Singapura.

CITRA TINTA HAWA: MAJLIS PELANCARAN BUKU-BUKU TULISAN 3 PENULIS WANITA TEMATAN ROHANI DIN, LEYLA SHURI & KAMARIA BUANG

Di majlis ini, tiga penulis wanita dari Singapura akan melancarkan buku-buku mereka. Penulis-penulis ini ialah Rohani Din, Leyla Shuri dan Kamaria Buang.

SEPETANG BERSAMA NOOR HASNAH ADAM: SUARA JIWA

Siri Penulis SG pada bulan September ini mengetengahkan Noor Hasnah Adam, pemenang Anugerah Penulis Harapan Singapura yang turut dianugerahkan Penulis Muda Asia Tenggara MASTERA. Salah satu cerpen beliau berjudul “Ini Cengkerang Kita” merupakan salah satu cerpen terpilih bagi program Baca! Singapura untuk tahun 2006 dan 2014.

Noor Hasnah Adam akan mendeklamasikan sajak-sajak beliau yang dilagukan secara acappella dengan anak murid-muridnya. Ada sajak-sajak berunsur ‘lawak’ yang menghiburkan dan ada yang penuh estetika tradisional yang mengasyikkan. Deklamasi akan diselang-selikan dengan monolog atau dialog karya skrip teater.

GIG PUISI: MERAIKAN SASTERA MELAYU

Bersempena sambutan SG50, sesi ini akan mempamerkan adegan sastera Melayu Singapura yang berwarna-warni. Penyajak, penulis dan aktivis sastera dari semua peringkat umur, mereka yang



sudah terkenal dan yang baru berjinak-jinak di alam kesusasteraan, akan berkongsi pentas yang sama untuk meraikan karya-karya tempatan dan serantau dengan semangat muhibah dan penuh kesyukuran.

BENGKEL PENULISAN KREATIF

Bengkel penulisan kreatif ini akan dikendalikan oleh Puan Patimah Jaludin, seorang penulis tempatan yang dipilih sebagai salah satu siri penulis SG oleh Lembaga Perpustakaan Negara. Program ini terbuka kepada pelajar-pelajar sekolah menengah. Dianjurkan oleh Angkatan Sasterawan 50 (ASAS '50) dengan kerjasama Lembaga Perpustakaan Negara.

LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA (NLB)

NLB menguruskan Perpustakaan Negara, 26 Perpustakaan Awam dan Arkib Negara.

NLB mempromosikan pembacaan, pembelajaran dan literasi maklumat dengan menyediakan perpustakaan dan perkhidmatan mendapat maklumat yang mudah didatangi, boleh dipercayai dan bertaraf global melalui Perpustakaan Negara dan perpustakaan-perpustakaan awam. Dengan menjalinkan perhubungan yang strategik untuk memupuk perkongsian ilmu, perpustakaan-perpustakaan juga menggalakkan penghargaan dan kesedaran mengenai sejarah Singapura melalui pelbagai acara dan koleksi Singapura dan rantauan. Arkib Negara menguruskan pengumpulan, pemeliharaan dan pengurusan arkib peribadi dan awam termasuk fail kerajaan, memoir peribadi, peta, gambar, temu bual sejarah secara lisan dan bahan-bahan pandang dengar.

Ditubuhkan pada 1 September 1995 sebagai lembaga berkanun, NLB ialah agensi di bawah Kementerian Perhubungan dan Penerangan (MCI).

Visi

Pembaca Seumur Hidup, Masyarakat yang Menimba Ilmu, Negara Berilmu Pengetahuan.

Misi

Kami membuat ilmu menarik, mencetuskan imaginasi dan mewujudkan kemungkinan.



People's Association

CITRA WARISAN @ NEE SOON GRC

Penduduk GRC Nee Soon GRC akan dapat mempelajari tentang budaya Melayu melalui persembahan dan pameran istimewa di Kelab Masyarakat Chong Pang. Dibuka kepada orang ramai, acara ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan meraikan bahasa Melayu.

Acara ini ada dua bahagian:

1. Gerai-gerai Aktiviti

Para peserta akan berseronok dengan aktiviti-aktiviti yang diadakan di gerai-gerai yang memaparkan pelbagai aspek seni dan budaya Melayu seperti batik, membuat layang-layang, permainan tradisional dan membuat gubahan untuk majlis perkahwinan. Mereka juga boleh menikmati kuiz, sesi puisi, demonstrasi silat serta mempelajari tentang budaya Melayu melalui pameran yang menarik.

2. Malam Budaya Citra Warisan

Para penduduk akan dapat menikmati malam yang dipenuhi persembahan budaya yang memaparkan pelbagai seni persembahan Melayu. Terdapat penampilan khas oleh penduduk Nee Soon yang berbakat serta peminat-peminat budaya.

NEE SOON GRC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu ditubuhkan meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam kursus-kursus CC, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan ehwal negara. Ia juga menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat.



CINTAI BAHASA MELAYU DAN GERAK KEUSAHAWANAN

NowAsia menganjurkan pertandingan menulis khas untuk pelajar-pelajar sekolah menengah untuk menggalakkan dan memupuk minat dalam generasi muda untuk menghasilkan penulisan kreatif Melayu yang berkualiti.

Berdasarkan tajuk “Melestarikan Bahasa dengan Gerak Keusahawanan”, pertandingan ini menggalakkan peserta untuk menggunakan tiga jenis ungkapan – Bahasa Santai, Bahasa Ilmu dan Bahasa Mesra- semasa menulis.

Para peserta harus merakam temu bual selama 30 saat untuk mempromosikan perniagaan seseorang usahawan. Kumpulan yang terpilih akan melalui sesi soal jawab spontan bersama para pengadil.

NOWASIA: ABANG ABU – USAHAWAN BINTANG (PENUTUR, PELATIH, PENULIS, JURULATIH)

Lebih dikenali sebagai Abang Abu, pengasas dan CEO NowAsia komited untuk membantu anak muda mencapai kejayaan dalam keusahawanan dan berilmu dari segi kewangan.

Abu merupakan ketua bagi *Young Entrepreneurs Club* serta bekas presiden *Young Entrepreneurs Network (YEN)* di bawah Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura. Beliau juga bekas presiden *Leng Kee Toastmaster’s Club*.

Beliau sedang mengendalikan program “*Highway to Wealth*”, *UBA FC (Unique Business Application Fun Coaching)*, “*Kuasai Wang Kuasai Kekayaan*”, dan “*Program Map untuk Kaya*” yang merupakan program yang popular sebagai program kewangan untuk orang dewasa.

Abu juga ketua jurulatih untuk program masyarakat berjudul “*Program Bijak Belanja*”.



JUARA SI CILIK

Pertandingan yang paling comel di Singapura kini kembali! Tonton dan dengar persembahan lagu-lagu asli Melayu yang indah oleh peserta daripada sekolah rendah di *Flower Field Hall* semasa Acara Hujung Minggu Bulan Bahasa 2015 di Gardens by the Bay.

Setiap pelajar memilih satu lagu asli Melayu untuk persembahan mereka. Lagu-lagu klasik ini dipilih sebagai tema pertandingan kerana lagu-lagu ini merupakan suatu cara untuk kanak-kanak ini mengetahui lebih tentang bahasa dan budaya Melayu. Lagu-lagu asli ini juga boleh mengajar nilai-nilai moral yang diselitkan dalam lirik lagu.

Guru-guru dan ibu bapa juga sebahagian daripada perjalan pembelajaran ini kerana mereka terlibat dalam membantu kanak-kanak ini memilih lagu dan baju yang sesuai serta membantu mereka semasa latihan persembahan.

Hadiah wang akan dimenangi oleh tiga pemenang.

NUSANTARA WORLD MUSIC

Nusantara World Music (NWM) menganjurkan acara, persembahan dan pameran mengenai budaya dan seni Melayu. NWM menghasilkan acara-acara Bulan Bahasa seperti Konsert Malam dan Juara Si Cilik semenjak 2013.



SINGA MAKSIMA LIVE EDISI NUSANTARA

Nusantara World Music, Ria 89.7FM, dan Datuk Ramli Sarip telah bekerjasama untuk menyokong Bulan Bahasa dengan extravaganza muzik yang tidak boleh dilupakan di Gardens by the Bay.

Untuk persembahan di Singa Maksima Live Edisi Nusantara, salah satu acara ikonik, para penonton akan menikmati satu malam yang menyeronokkan dengan persembahan yang bertenaga dan sentuhan nostalgia dengan membelakangkan pemandangan yang indah di Supertree Grove.

Pengacara konsert ini ialah juruhebah terkenal, Aura Shai dan Dzar Ismail. Konsert ini juga akan memaparkan Imran Ajmain, The Pinholes, Iman's League, Ryan Sufiyan, Raven, Audionauts, Nuradee, Rafaat Hamzah, Samad Said dan T:zi.


Semua dijemput hadir dan acara ini percuma. Semua dialakkan membawa tikar dan alas duduk anda untuk menikmati persembahan-persembahan muzik.

NUSANTARA WORLD MUSIC

Nusantara World Music (NWM) menganjurkan acara, persembahan dan pameran mengenai budaya dan seni Melayu. NWM menghasilkan acara-acara Bulan Bahasa seperti Konsert Malam dan Juara Si Cilik semenjak 2013.

RIA 89.7FM

Ria 89.7FM ialah stesen radio kontemporari yang memainkan lagu-lagu Melayu dan Inggeris serta memaparkan maklumat secara ringkas dan menarik.



MARILAH BERMAIN CONGKAK DENGAN LEBIH BERMAKNA

Congkak ialah sejenis permainan tradisional Melayu yang sering dimainkan sebagai aktiviti santai atau sebagai pertandingan.

Jabatan Bahasa Melayu Sekolah Menengah Orchid Park telah mereka sebuah permainan kreatif yang mengajak para pengunjung untuk bermain congkak dengan lebih bermakna lagi.

Sementara bermain congkak, para pemain berpeluang untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan bahasa, budaya dan sejarah Melayu. Soalan yang ditanyakan bergantung pada warna lubang congkak.

Para pemain akan diberikan markah bagi setiap soalan yang dijawab dengan betul. Markah-markah ini akan dikumpulkan di akhir permainan. Markah yang terkumpul akan menentukan jenis cenderahati yang bakal diterima.

Dengan menyertai aktiviti ini, para pengunjung pastinya akan lebih terpegun akan keunikan permainan congkak serta keistimewaan bahasa dan budaya Melayu.

SEKOLAH MENENGAH ORCHID PARK (OPSS)

Sekolah Menengah Orchid Park (OPSS) telah ditubuhkan pada tahun 1999. Antara objektif jabatan kami adalah untuk menghasilkan pembelajaran yang menarik yang boleh memikat hati para pelajar untuk lebih meminati Bahasa Melayu. Selain itu, jabatan kami juga berwawasan untuk mengenalkan beberapa strategi yang boleh diguna pakai oleh para pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam Bahasa Melayu.

Buat julung-julung kalinya, Jabatan Bahasa Melayu menyertai acara Bulan Bahasa. Sebagai penyertaan unggul kami, OPSS ingin mengetengahkan sebuah permainan berunsur permainan dalam pendidikan. Di sini permainan tradisional, congkak, telah diintegrasikan dengan pengetahuan bahasa dan budaya Melayu supaya dapat menarik dan menyedarkan para pengunjung bahawa masyarakat Melayu kaya dengan adat dan budayanya.



BENKEL & PERADUAN PENULISAN SENI KATA DAN LAGU

Melalui bengkel ini, Perbayu NTU berharap untuk memberi generasi muda pendedahan kepada bidang seni dan budaya Melayu. Bengkel ini juga bertujuan untuk memberi peserta-peserta ruang untuk meneroka bidang penulisan seni kata dan lagu Melayu yang semakin kurang mendapat perhatian.

Pelajar-pelajar akan didedahkan pada sajak serta cara-cara penulisannya pada hari pertama. Pada hari kedua, pelajar akan dibantu oleh seorang penggubah lagu dan penulis lirik, Encik Mohd Khair Yasin dalam susunan karya mereka untuk menjadi sebuah lagu dengan rentak dan irama yang sesuai. Encik Khair Yasin juga akan menunjukkan cara nyanyian mengikut tempo yang berbeza.

Lagu yang dihasilkan akan dipertandingkan dan lagu yang memenangi peraduan tersebut bakal dirakamkan oleh NTUMLCS. Lagu-lagu ini kemudian boleh digunakan sebagai alat bantu pengajaran di sekolah kelak.

PERBAYU NTU (PERSATUAN BAHASA DAN BUDAYA MELAYU NTU)

Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu Universiti Teknologi Nanyang (Perbayu NTU) telah ditubuhkan dengan objektif untuk membangunkan penggunaan bahasa Melayu dan untuk meningkatkan kesedaran tentang budaya Melayu.

Sejak ditubuhkan, jumlah pelajar yang mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti Perbayu NTU seimbang baik dari NTU mahupun Institut Pendidikan Nasional (NIE). Setiap ahli mengongsi matlamat yang sama iaitu untuk memelihara bahasa dan budaya masyarakat Melayu.

Pada tahun 2011, Perbayu NTU telah mengubah wawasannya bagi memenuhi keperluan semasa masyarakat. Dengan visi baharu, iaitu mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan menerapkan nilai-nilai melalui bahasa dan budaya Melayu bagi membentuk rakyat yang progresif dan boleh mengilhamkan perubahan dalam masyarakat, Perbayu NTU berharap belia dapat dibentuk supaya menjadi rakyat yang berfikiran terbuka namun tetap tegar kepada tradisi serta warisan mereka.

Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Perbayu NTU memenuhi keperluan masyarakat yang terdiri daripada mahasiswa tempatan, pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, institusi pengajian tinggi, warga emas dan masyarakat Melayu-Islam setempat. Selain menyediakan ahli kami untuk pengalaman sekolah, Perbayu NTU juga berhasrat untuk menyediakan ahli kami dengan peluang untuk memimpin masyarakat Melayu-Islam Singapura.



Sebagai pemimpin di masa hadapan, kami percaya bahawa pengalaman yang diraih di peringkat universiti dapat diperkayakan dengan penglibatan dan sumbangan kepada masyarakat.

ENCIK MOHD KHAIR YASIN

Mohd Khair Mohd Yasin atau lebih dikenali sebagai Khayas, merupakan seorang ahli kumpulan "RAUSYANFIKIR" yang terdiri daripada Allahyarham Esham Jamil, Art Fazil dan Mohd Khair sendiri. Pada tahun 1992 dan 1993, mereka menghasilkan dua album berkonsep *folk* dan *pop*. Semua lagu yang ditulis oleh kumpulan tersebut menyentuh isu-isu sosial dan budaya berbentuk kontemporari. Selepas merakam kedua-dua album, Khayas terus menulis dan mengarang muzik untuk pemuzik/artis Singapura dan Malaysia. Pada tahun 1998, beliau menghasilkan dan melancarkan album beliau sendiri, yang mengandungi 10 lagu terbaik yang pernah ditulis dalam kerjaya beliau.



DRAMA SOLO

Pertandingan Drama Solo ialah suatu pertandingan yang menggalakkan kegunaan bahasa Melayu yang fasih melalui lakonan kreatif.

Pertandingan ini juga merupakan platform untuk pelajar, pelajar mempamerkan kemahiran mereka dalam kegunaan bahasa Melayu secara yakin, berkesan dan fasih.

PERSEMBAHAN BANGSAWAN DAN FORUM “BUDAYA SOSIAL DAN PEMIKIRAN MASYARAKAT MELAYU DALAM DUNIA BANGSAWAN”

Forum mengajak para peserta mendapat pemahaman yang mendalam mengenai nilai-nilai Bangsawan dari perspektif etika dan bahasa.

Para peserta akan dapat menonton klip video pendek untuk mempelajari tentang Bangsawan. Kemudian, mereka akan berbincang tentang bahasa yang digunakan semasa persembahan bangsawan serta nilai budaya dan sosial yang dipaparkan semasa Bangsawan.

Panelis yang mengandungi aktivis Bangsawan akan mengongsikan ilmu mereka tentang Bangsawan kepada perbincangan ini.

SENI DI TAMAN - “AKAR KITA”

“Seni Di Taman” merupakan persembahan Melayu tradisional. Nikmati pelbagai tarian, muzik dan paluan gendang sambil mempelajari tentang budaya dan etika Melayu.

Para penonton dijemput menyertai persembahan-persembahan bertenaga ini.

PERKUMPULAN SENI SINGAPURA

Perkumpulan Seni Singapura (PS) diasaskan pada 8 Julai 1956 dan didaftar sebagai pertubuhan tidak mengambil keuntungan dalam *Registry of Societies* (ROS). PS bertujuan untuk melestarikan budaya dan seni, terutamanya alam tarian, sastera dan muzik. Beberapa perintis PS ialah Allahyarham A Ghani Hamid, Allahyarham Bani Buang dan Allahyarham Pak Zubir Said.

Sila ke lungsuri laman Facebook kami, www.facebook.com/perkumpulanseni.org.



JEJAK ALAM

Jejaki alam bersama pelajar-pelajar dari Sekolah Sains dan Teknologi Singapura (SST) yang akan membawa anda menjelajahi Malay Garden di Gardens by the Bay.

Direka sebagai “Cerminan Masyarakat” oleh Gardens by the Bay, taman ini memaparkan dan menekankan peranan buah-buahan dan tumbuh-tumbuhan yang digunakan untuk perubatan oleh kaum Melayu di Singapura.

Para peserta akan dapat merapatkan diri mereka dengan alam semula jadi dan pelbagai tumbuh-tumbuhan serta mengetahui fakta-fakta dan maklumat menarik mengenai flora dan fauna kebun tersebut.

Untuk menggalakkan para peserta untuk membaca dan berkomunikasi dalam bahasa Melayu, para peserta akan dapat peluang untuk membawa pulang hadiah daripada gerai SST jika para peserta melengkapkan cabaran-cabaran dengan betul.

Terdapat juga aktiviti-aktiviti interaktif dan pameran yang disediakan oleh pelajar-pelajar SST.

SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI SINGAPURA (SST)

SST menawarkan program istimewa selama empat tahun yang menyediakan murid-murid yang ingin ke universiti untuk Peperiksaan Peringat O. SST menekankan kepentingan subjek-subjek asas, justeru memberikan murid-murid peluang untuk ke universiti melalui politeknik atau maktab rendah.



People's Association



PETIKAN DARIPADA “KONSERT LEGASI ZUBIR SAID”

Bersama dengan Persatuan Minangkabau Singapura dan Persatuan Kemuning Singapura, MAEC Balai Rakyat Siglap South akan memaparkan “Konsert Legasi Zubir Said”.

Para pengunjung Gardens by the Bay akan mendapat menonton petikan daripada konsert ini yang akan dipersembahkan di Olive Terrace, dalam Flower Dome.

Petikan ini termasuk tarian Pulang Perantau, sebuah skit drama, persembahan koir yang akan mendendangkan lagu Semoga Bahagia, deklamasi puisi dan persembahan solo biola.

Lagu-lagu untuk konsert ini dipilih untuk memaparkan perkembangan bahasa Melayu Singapura. Konsert ini baik untuk para pelajar kerana mereka boleh mempelajari bahasa puitis yang digunakan dalam persembahan, serta mendapat gambaran kehidupan Zubir Said.

SIGLAP SOUTH CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Balai Rakyat Siglap South menganjurkan aktiviti yang mempromosikan budaya Melayu dan interaksi bersama bukan-Melayu.

PERSATUAN MINANGKABAU SINGAPURA

Persatuan Minangkabau Singapura, ditubuhkan pada 1995, bertujuan untuk mempromosikan dan melestarikan budaya Minangkabau di Singapura.



EVOLUSI PENCAK SILAT SEJAK 50 TAHUN LALU

PERSISI kembali untuk mempamerkan gerakan silat dan koleksi senjata di Acara Hujung Minggu Bulan Bahasa. Para pengunjung akan dapat menikmati pameran yang menampilkan sejarah dan evolusi pencak silat di Singapura.

Pameran ini akan menonjolkan peranan wanita dalam pencak silat dan bagaimana mereka mempelajari silat walaupun tidak dibenarkan pada masa dahulu.

Para pengunjung pameran dan demonstrasi silat PERSISI juga akan dijemput untuk mempelajari dan mencuba silat. Sukarelawan daripada PERSISI akan memberitahu para pengunjung tentang gerakan silat supaya para pengunjung akan memahami tentang gerak silat yang dipelajari.

PERSEKUTUAN SILAT SINGAPURA (PERSISI)

Persekutuan Silat Singapura atau PERSISI ialah sebuah badan induk yang mengawal kegiatan persilatan di Singapura. Melalui Majlis Guru-gurunya, PERSISI memastikan budaya pencak silat dapat terus berkembang.



SENI TRADISI MELAYUKU YANG BERWARNA-WARNI

Saksikan suatu pameran persembahan-persembahan kegemaran orang ramai daripada masa dahulu dan kini.

Sama seperti pelbagai jenis bentuk tarian yang diasaskan dan diciptakan pada masa-masa awal, budaya Melayu mempunyai sejarah yang kaya dengan tradisi dan kebudayaan yang mana kesederhanaan adalah yang terbaik. Konsep keindahan dalam kesederhanaan inilah yang kita sering lupa dan lalai pada zaman yang serba moden ini.

Saksikan keindahan dan kesahihan inti pati budaya tarian tradisional Melayu menerusi barisan program yang akan mendidik, memikat hati, memperkenalkan dan menghidupkan kembali khazanah tarian kebudayaan Melayu yang gemalai, mewah dan cantik, yang hampir hilang ditelan zaman.

Tidak ketinggalan juga, keindahan bahasa Melayu akan disematkan dan disemarakkan menerusi dikir barat yang akan dipersembahkan oleh bakat-bakat cilik Sriwana dalam Dikir Cilik Temasek.

SRIWANA

SRIWANA dikenali sejak penubuhannya pada tahun 1950. SRIWANA adalah salah satu kumpulan seni persembahan yang paling lama dalam arena seni tempatan. Setelah aktif dalam bidang seni persembahan selama 60 tahun, SRIWANA mempunyai pelbagai pengalaman dan pencapaian yang tidak ternilai. SRIWANA mula ditubuhkan pada tahun 1950 sebagai salah sebuah Persatuan Keroncong Parti (Orkestra Tradisional Melayu). Aktiviti utama bagi Sriwana pada masa itu ialah untuk menghiburkan para tetamu di majlis perkahwinan dan mengambil bahagian dalam persembahan kebudayaan yang dianjurkan oleh badan-badan pendidikan tempatan, terutama sekali Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM) yang telah bergabung bersama SRIWANA untuk mengumpulkan dana. SRIWANA kemudian mengembangkan lagi sayapnya dengan objektif untuk menggalakkan, menegakkan dan meningkatkan taraf seni dan budaya Melayu hingga ke hari ini.

Kini, SRIWANA diketuai oleh Pn. Fauziah Hanom Yusof dan dibantu oleh En. Fauzi Anwar dengan 30 sukarelawan dewasa dan 30 sukarelawan kanak-kanak yang berbakat dan bersemangat untuk seni persembahan. Sebuah pertubuhan yang bukan untuk meraih keuntungan, Sriwana telah



mengharungi cabaran hampir selama 60 tahun untuk mengekalkan nama dan pertubuhannya hingga ke hari ini.

Bengkel Tarian telah dikendalikan setiap tahun dan dibuka kepada orang ramai sebagai salah satu usaha SRIWANA bagi menjamin dan meningkatkan warisan budaya Melayu.

Adalah visi SRIWANA untuk mentadbirkan dan mentafsirkan salah satu tradisi seni halus tarian Melayu untuk diberikan pendedahan yang segar. Pada masa yang sama, SRIWANA tetap menanamkan dan mengekalkan nilai-nilai seni tradisional tanpa menjejaskan jati diri Melayu walaupun aspek tradisional, konvensional dan kontemporari itu telah digabungkan bersama.

SRIWANA telah menjadi salah sebuah kumpulan seni yang aktif dan terkenal semenjak penglibatannya dalam banyak penerbitan tempatan secara komersil dan juga dalam sektor swasta. SRIWANA juga telah mengembara ke beberapa negara seperti Cina, Mongolia, Indonesia, Thailand dan Malaysia untuk menyertai pelbagai festival tarian dan budaya.



BAHASAKU, WARISANKU

Bahasaku, Warisanku bertujuan untuk memaparkan keindahan budaya, warisan dan seni Melayu kepada orang ramai melalui pelbagai jenis tarian seperti hayun, langkah, sipu malu dan tumpeng lalu. Para penonton akan dapat menyertai keseronokan persembahan-persembahan ini yang melibatkan penonton.

WAYANG KULIT KISAH SINGAPURA

Kisah Singapura merupakan sesuatu persembahan menarik yang menggunakan wayang kulit. Wayang kulit digunakan untuk membuat persembahan sambal mempamerkan keanjalan bahasa Melayu. Para penonton juga dapat pelajari lebih tentang wayang kulit melalui bengkel yang seronok yang dianjurkan Sri Warisan yang diadakan selepas persembahan.

SRI WARISAN

Sri Warisan ialah sebuah syarikat seni yang ditubuhkan oleh Pun Som Said, seorang pemenang pingat budaya. Ditubuhkan pada 1997, Sri Warisan merupakan salah satu kumpulan tarian penting di Singapura. Gabungan teknik tradisional dan kontemporari menjadi sinonim dengan nama Sri Warisan. Mereka yang berada dalam Sri Warisan dilatih dalam pelbagai bidang seperti tarian, muzik, teater dan media.



People's Association

MALAM KEBUDAYAAN & TAYANGAN FILEM MELAYU

Para penduduk Tampines akan dapat berseronok di Malam Kebudayaan dan Tayangan Filem Melayu yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Balai Rakyat Tampines North.

Acara sebelah petang akan memaparkan pameran budaya dan tradisi Melayu yang menarik dan berwarna-warni. Terdapat gerai-gerai permainan tradisional yang memaparkan permainan batu serembat, capteh, goli dan gasing, serta gerai-gerai budaya yang memaparkan kompang, angklung, menganyam ketupat dan bunga manga. Terdapat juga gerai makanan yang akan menyediakan makanan seperti jumpuk pisang, tu tu puring and kueh bahulu.

Para penduduk juga akan dapat mempelajari tentang bahasa Melayu melalui tayangan filem klasik berbahsa Melayu seperti Sri Mersing..

BULAN BAHASA @ TAMPINES CHANGKAT – PAMERAN SASTERA MELAYU

Lawati Pameran Sastera Melayu di Kelab Masyarakat Tampines Changkat untuk pelajari tentang bahasa Melayu melalui karya puisi Melayu yang boleh digunakan sebagai ungkapan harian.

Terdapat pemandu pameran khas daripada Wira Budaya yang akan memaparkan kegunaan dan keindahan puisi kepada para pelajar. Mereka akan mengongsikan tentang sejarah di sebalik puisi-puisi yang malar segar dan popular serta sesi interaktif yang memberi peluang kepada para pelajar untuk mendeklamasikan puisi mereka sendiri.

GENDERANG BAHASA & BUDAYA

Kampong Bahasa & Budaya @ Tampines GRC 2015 akan dilancarkan di Tampines Community Plaza pada hari Ahad, 6 September, dengan aktiviti-aktiviti dan permainan yang menarik sepanjang hari untuk

Dimulakan sejak tengah hari, para penduduk akan dapat bermain "*Spin-the-Wheel*" dengan selebriti yang diadakan sebagai salah satu aktiviti acara Pakej Generasi Perintis. Terdapat juga pertandingan karaoke yang diadakan khas untuk 40 peserta yang berumur 40 tahu ke atas.

Di sebelah petang, tempat itu akan diubah menjadi sebuah kampong dengan tikar sebagai tempat duduk untuk para penonton yang akan menikmati persembahan oleh Datuk Ramli Sarip, Nadi Singapura, Koir Harmoni Orkid, dan banyak lagi. R Ismail bersama keluarga pemuziknya yang berbakat, termasuklah anak-anaknya, Eiss Ismail dan Elfie Ismail akan membuat persembahan.



MARI MENARI CARA TRADISIONAL

Maris sertai gerak tarian mengikut irama klasik Melayu sambil mempelajari lebih tentang bahasa dan budaya Melayu di Kelab Masyarakat Tampines East. Para peserta juga akan dapat mendengar dan mempelajari lagu tradisional Melayu serta melawato pameran bahasa dan budaya yang dibuat khas untuk acara ini.

NASKAH MARATON

Untuk mempromosikan kegunaan bahasa Melayu, Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Tampines West menganjurkan pertandingan maraton penulisan dan bahasa. Para peserta akan diuji kemahiran bahasa mereka dan daya ketahanan mereka semasa menulis cerpen, puisi dan skrip drama selama sepuluh jam. Hadiah menarik dan piala bakal dimenangi.

BULAN BAHASA @ TAMPINES CENTRAL

Raikan bahasa dan budaya Melayu di sebuah pesta budaya di Kelab Masyarakat Tampines Central. Pesta ini akan memaparkan demonstrasi bahasa dan adat Melayu yang masih diamalkan pada hari ini, termasuklah adat majlis perkahwinan Melayu.

WISATA ILMU & BUDAYA

Para pelajar sekolah rendah akan berseronok dengan pendidikan melalui pengalaman di Kelab Masyarakat Tampines West. Sesi pembelajaran akan membawa mereka ke beberapa pameran kecil seperti permainan tradisional, makanan, baju, kraftangan dan alat-alat muzik supaya para pelajar dapat mengetahui lebih tentang bahasa dan budaya.

FORUM BAHASA

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Tampines West mengadakan forum bahasa Melayu dan bengkel untuk guru-guru Madrasah dan pelajar universiti untuk mempelajari lebih tentang sejarah dan kegunaan bahasa Melayu, serta bagaimana ia membawa kesan kepada kehidupan seharian kita. Panel pakar bahasa akan mempengerusikan forum ini dan akan menjawab soalan-soalan para penonton semasa sesi soal jawab.

GEMA SI CILIK

Terbuka kepada semua kanak-kanak prasekolah, pertandingan ini menyediakan peluang untuk kanak-kanak kecil mempelajari tentang bahasa Melayu melalui mengarang dan menyanyi lagu. Semua orang menjadi pemenang kerana semua peserta akan diberikan hadiah untuk memupuk rasa cinta pada bahasa serta mendorong mereka untuk menyertai pertandingan pada masa depan.

TAMPINES GRC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) menganjurkan pelbagai program-program sosial, pendidikan dan seni untuk masyarakat Melayu.



TEATER ARTISTIK

PERSEMBAHAN TEATER DOKTOR REMAJA

Teater Artistik mempersembahkan sebuah penyesuaian daripada “Doktor Remaja”, sebuah cerpen oleh penulis Singapura, Cik Sharifah Khadijah AlJoofri.

Dianjurkan untuk para pelajar dan generasi muda, cerita “Doktor Remaja” menekankan penyakit sosial dalam kalangan generasi muda, termasuklah kehamilan remaja, dadah dan tidak menghormati orang tua. Cerita ini menggalakkan remaja-remaja untuk berfikir tentang cara-cara untuk mengelakkan isu-isu negatif ini daripada menjadi lebih teruk serta membantu mereka mencari jalan untuk mengelak daripada terjebak dalam aktiviti-aktiviti yang tidak bermanfaat ini.

Bagi teater Artistik, persembahan teater ini menyediakan cawangan untuk mempromosikan penulis-penulis Singapura dengan mementaskan penulisan mereka, serta memupuk bakat baharu dalam kalangan remaja. Tambahan lagi, Teater Artistik berharap para pelakon dan penonton menghargai bahasa Melayu melalui acara ini.

TEATER ARTISTIK

Teater Artistik ditubuhkan pada 1986 di Balai Rakyat Pasir Panjang oleh sekumpulan peminat teater. Semenjak itu, Teater Artistik telah membuat persembahan mahupun secara kecil-kecilan atau besar-besaran, serta drama dalam bahasa Melayu dan Inggeris.



KRAFTANGAN: KERONGSANG DAN KAD UCAPAN

Pengunjung ke gerai yang diuruskan oleh para pelajar dari Sekolah Menengah Teck Whye akan dapat mempelajari cara membuat kerongsang. Secara tradisional, kerongsang digunakan sebagai pin untuk sarung kebaya dan sering diperbuat oleh perak, tembaga atau piuter.

Para pengunjung juga akan dapat menggunakan kain untuk membuat kerongsang dengan sentuhan tersendiri yang boleh diletakkan kepada kad yang mengandungi pantun yang telah ditulis khas oleh para pelajar.

Pelajar-pelajar akan membentangkan dan menerangkan tentang sejarah pantun untuk memupuk minat dalam diri para pengunjung pada bahasa dan budaya Melayu serta menghidupkan kembali seni menulis pantun empat kerat.

SEKOLAH MENENGAH TECK WHYE

Kami mendorong murid-murid kami untuk mencipta peluang bagi diri sendiri dan orang lain pada masa hadapan dengan melengkapi mereka dengan nilai, kemahiran dan ilmu Abad ke-21. Kami membantu mereka menyedari minat dan tujuan hidup mereka serta memupuk kekuatan untuk menempuhi cabaran hidup.

Melalui budaya kerjasama, pemikiran yang cemerlang dan semangat untuk belajar sepanjang hayat, kami bertujuan untuk menghasilkan sekumpulan murid-murid yang bersedia untuk masa hadapan, yang boleh memimpin dengan penuh keyakinan, berkhidmat dengan belas kasihan dan mencapai kejayaan.

Jiwa Teck Whye, yang diterangkan dalam moto sekolah, adalah untuk tidak berputus asa dan terus berusaha untuk mencapai kejayaan. Ini dipaku dalam nilai-nilai sekolah kami, didorong oleh arah tujuan dan minat yang dalam dan disokong oleh semangat berkerjasama.



People's Association

BLANGAH RISE
PRIMARY SCHOOL



BENKEL PENULISAN KREATIF

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Balai Rakyat Telok Blangah dan Sekolah Rendah Blangah Rise telah bekerjasama untuk menganjurkan sebuah bengkel penulisan yang diadakan khas untuk pelajar-pelajar darjah enam.

Bengkel ini bertujuan untuk memperkembangkan minat para pelajar pada bahasa Melayu melalui penulisan kreatif. Semasa bengkel, para pelajar akan dipupuk dengan kemahiran asas bagi penulisan kreatif serta digalakkan untuk menghantarkan karya kreatif mereka sendiri.

TELOK BLANGAH CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Balai Rakyat Telok Blangah Community Centre Malay Activity Executive Committee (MAEC) adalah sebahagian daripada organisasi akar umbi yang menganjurkan kegiatan-kegiatan budaya Melayu.



PUISI ITU INDAH

Dikenali sebagai satu kumpulan seni yang membuat persembahan dari sudut yang unik dan berlainan, The Kaizen M.D kembali untuk membuat persembahan “Puisi itu Indah” yang memaparkan puisi dan tarian semasa Bulan Bahasa.

Persembahan ini akan merangkumi NADA, projek seni visual dan bunyi yang menerokai mitos dan sejarah sebuah kumpulan yang direka dengan nama yang sama yang memberi tumpuan kepada muzik tradisional yang popular dari era kegemilangan Asia Tenggara dari tahun 1960-an hingga 1980-an.

Dibentuk oleh Norisham Osman, Rizman Putra dan Safuan Johari, persembahan “Puisi Itu Indah” membawa penyair dan penari bersama untuk memberi inspirasi kepada para penonton melalui ungkapan kreatif dalam puisi dan lagu Melayu.

Beberapa puisi dan lagu yang dipersembahkan dalam “Puisi Itu Indah” ialah lagu-lagu yang dikarang oleh NADA, termasuk lagu “Ku Tak Berdaya”, “Kehilangan”, “Awan Perjalanan” dan “Kau Kini Jauh”.

THE KAIZEN M.D.

The Kaizen M.D. ialah jenama seni yang mahir dalam seni kontemporari Singapura dan ditubuhkan semula oleh Pengarah Artistik Norisham Osman and Norhaizad Adam.

The Kaizen M.D. bertujuan untuk menjadi platform untuk penerokaan, perkembangan, serta untuk artis-artis kontemporari muda berkerjasama. The Kaizen M.D. setia pada industry seni Singapura dan mempercayai pentingnya mengeratkan silaturrahim di antara artis, sama ada seseorang artis itu bekerja perseorangan atau bersama sebuah kumpulan atau syarikat, dan untuk mempromosikan budaya berkongsi ilmu di antara orang ramai, sama ada di dalam atau luar negara.

The Kaizen M.D. bermisi untuk meningkatkan peluang dan pendapatan generasi muda di Sngapura yang terlibat dalam bidang seni dan ingin memperbaiki kemahiran mereka sebagai profesional dengan menyediakan platform untuk mereka berlatih, menyediakan bengkel, peluang perangkaihan dan projek kerjasama, justeru menghasilkan pengiat seni yang mampu memberi manfaat kepada industri seni kontemporari tempatan dan antarabangsa.



PROJEK BINTANG UNTUK PERTAPIS

Projek Bintang mengasuh bakat pelajar-pelajar dalam bidang Perfileman, Muzik, Drama dan Tarian. Aktiviti-aktiviti projek ini juga turut mengukuhkan keyakinan diri mereka untuk menghadapi cabaran serta mendorong mereka untuk mencapai matlamat dan kejayaan pada masa hadapan.

Bermula pada Mac tahun ini, Projek Bintang atau The Rising Star Project (TRSP), telah pesat berkembang dalam misinya iaitu untuk mengasah pelajar dan bakat semula jadi mereka, merealisasikan potensi mereka, serta meningkatkan harga diri dan keyakinan diri mereka untuk mengharungi cabaran baharu. Projek ini juga ingin menggalakkan para belia untuk menggunakan bakat mereka dan kemahiran hidup dalam bidang seni sebagai asas penting yang akan membantu mereka mencapai kejayaan untuk masa depan.

Projek ini menyediakan sesi mentor dalam beberapa disiplin yang memupuk penghargaan terhadap bidang seni dalam para pelajar serta membantu mereka memperoleh kemahiran yang diperlukan dalam filem, muzik, drama dan tarian melalui bengkel seni persembahan.

Untuk memberi para belia pengalaman yang asli dan berkualiti tinggi, mereka akan dilatih oleh selebriti, penerbit filem, pakar teater dan tarian Singapura yang terkenal dalam industri mereka. Selebriti-selebriti ini termasuk penyanyi, penulis lagu dan penerbit filem, Encik Rifaah Ridzwanulhakim, Penerbit MediaCorp TV Encik Zaharian Osman dan Pelakon Cik Haryani Othman yang semua telah menyumbangkan masa dan bakat mereka untuk program ini.

Pelajar-pelajar program ini akan menunjukkan kemahiran yang dipelajari semasa Peringkat Akhir Projek Bintang pada 26 September 2015 dengan muzik, dikir barat, drama dan persembahan tarian.

PROJEK BINTANG

Projek Bintang bertujuan untuk memberi inspirasi kepada golongan belia untuk mencapai kejayaan dalam bidang seni, pelajaran dan kehidupan. Kami telah mereka bentuk sebuah program khas untuk menemui, memahami dan mengasuh bakat yang ada pada setiap pelajar. Melalui projek ini, potensi setiap pelajar akan menyerlah dan asas yang kukuh dapat dibina untuk memberi mereka peluang kejayaan pada masa hadapan.



TEATER PELAJAR SG50 PRODUCTION

Penerbitan SG50 Teater Pelajar akan diadakan berdasarkan konsep 'oleh pelajar, untuk pelajar'. Mereka akan melalui latihan yang dianjurkan oleh rakan kerjasama Teater Pelajar untuk menyediakan sebuah penerbitan teater, selaras dengan sambutan SG50 tahun ini.

Persembahan teater ini mengikuti jalan cerita seorang remaja lelaki yang tidak sabra untuk menerima ijazah supaya beliau boleh berhijrah ke negara lain. Satu malam, beliau bermimpi bahawa beliau berjumpa dengan tiga watak daripada masa dahulu Singapura- Sang Nila Utama, Sir Stamford Raffles dan Yusof Ishak yang mengongsikan pengalaman mereka dan cuba untuk menyakinkan beliau untuk tinggal di Singapura. Walau bagaimanapun, Hang Nadim, budak lelaki yang dibunuh Maharajah kerana kepintarannya, cuba untuk menyakin beliau untuk meninggalkan Singapura kerana Hang Nadim berasa marah dan berpendapat orang lain di Singapura tidak akan memberi anda peluang untuk berjaya.

Jabatan yang akan menyelia penerbitan teater ini akan terdiri daripada guru-guru daripada sekolah-sekolah yang mengambil bahagian dan mereka akan dibantu oleh Marine Parade TCMC dan Kumpulan Teater Pelajar. Pelakon-pelakon serta krew akan terdiri daripada pemenang-pemenang dan peserta-peserta Teater Pelajar sejak 2011.

THE TEENS NETWORK CLUB (T-NET CLUB)

Teens Network Club (Kelab T-Net) ditubuhkan pada 1 November 2002 sebagai rangkaian Persatuan Rakyat oleh Menteri Kanan Emeritus, Encik Goh Chok Tong. Kelab T-Net sentiasa menganjurkan program yang menyegarkan dan interaktif dengan objektif menginspirasi dan memperkayakan kehidupan remaja-remaja di Singapura. Program-program ini erdapat empat tema, iaitu, Perkhidmatan Masyarakat, Pendidikan, Seni Persembahan dan Pengembaraan.

Di Kelab T-Net, kami percaya setiap remaja unik dan mempunyai potensi yang tiada batasannya. Kami memberi peluang kepada remaja-remaja untuk mengejar minat mereka dan mencapai potensi sepenuhnya. Kami meningkatkan keyakinan diri mereka dan memupuk kemahiran hidup yang relevan supaya remaja-remaja akan menjadi pemimpin yang bertanggungjawab dan berdikari

Dengan lapan cawangan, terdapat 12,000 ahli Kelab T-Net yang berusia di antara 11 dan 18 tahun.

Over the years T-Net Club has been working hand in hand with Teater Artistik, National Heritage Board (NHB), Danzpeople, Recognise Studio, Oschool, National Library Board and Perbayu NTU/NIE.



With eight branches located island-wide, our current membership stands at about 12,000 with a good mix of teenagers aged between 11 to 18 years.

Sejak kebelakangan ini, Kelab T-Net telah bekerjasama dengan Teater Artistik, Lembaga Warisan Negara (NHB), Danzpeople, Recognise Studio, Oschool, Lembaga Perpustakaan Negara dan Perbayu NTU/NIE.



PETIKAN DARIPADA GARISAN MASA

Variasi Performing Arts akan mempersembahkan tiga drama– *Menunggu Detik*, *Saban Waktu* dan *Saat Ini* – yang akan dipentaskan di Taman Warisan Melayu pada 18 and 19 September.

Para penonton akan mendapat peluang untuk berinteraksi bersama hos dan para pelakon, serta mendapat tahu tentang teater dan Projek TIFA, sebuah projek teater *black box* yang dimulakan oleh seorang artis teater daripada Variasi Performing Arts untuk mengalakkan lebih ramai aktivis untuk mempamerkan kerja mereka dan membuat persembahan-persembahan kreatif.

VARIASI PERFORMING ARTS

Variasi Performing Arts ditubuhkan oleh sekumpulan aktivis seni pada tahun 2001. Dimulakan sebagai Kelab Tarian dan Drama pada tahun 2000, Variasi telah berkembang menjadi syarikat seni persembahan yang dibentuk khas untuk remaja-remaja di Singapura, dengan pelbagai jabatan artistik. Variasi yang membawa maksud kepelbagaian atau *variety*, menggabungkan aspek tradisional dan kontemporari seni persembahan Melayu, termasuk teater, tarian dan muzik. Kami bertujuan untuk menyediakan latihan dan ilmu artistik dalam segala industri hiburan, pengurusan teater dan program pendidikan seni. Keutamaan kami adalah untuk menyediakan platform untuk bakat-bakat muda untuk memupuk bakat mereka, serta meningkatkan potensi kreatif mereka dengan memberikan peluang untuk mereka meneruskan minat mereka menurut keupayaan unik mereka.



DENYUTAN NADI

Sekolah Rendah Wellington menganjurkan sebuah deklamasi puisi berjudul “Denyutan Nadi” yang memberri penghargaan kepada generasi perintis Singapura.

Puisi-puisi yang dipilih khas intu acara ini akan membantu untuk memupuk kesedaran akan kerja keras dan sumbangan generasi perintis, tema yang sesuai buat tahun jubli Singapura.

WELLINGTON PRIMARY SCHOOL

Sekolah Rendah Wellington yang meraikan ulang tahunnya yang ke 15 tahun ini berazam untuk menjadi institusi yang cemerlang yang menyediakan pentas global untuk membangunkan murid-murid kami untuk menjadi orang yang berbakat dan sedia untuk mengharungi cabaran hidup.

Dalam menyediakan para pelajar kami untuk menjadi pemimpin budaya melalui memupuk nilai Arif Budiman dalam mereka yang mempelajari bahasa Melayu, kami memberi inspirasi sambil memupuk semangat untuk berkhidmat kepada masyarakat melalui platform seperti menyertai aktiviti-aktiviti Bulan Bahasa.



FLO GLO CERITAKAN

Flo Glo Ceritaan merupakan sebuah program inovatif dan perancangan pembelajaran yang bertumpuan untuk menjana hasil pembelajaran demi menghasilkan penulisan kreatif yang efektif dalam bahasa Melayu.

JEJAK TEMANKU MARINA– SIRI RAKSASA SUNGAI

Para pelajar akan mempelajari tentang pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar sambil mempelajari bahasa Melayu melalui pengalaman interaktif ini. Terdapat penyampaian menarik tentang isu air tawar dan cabaran yang dihadapi Singapura, sesi bercerita, mengutip sampah di Kolam Air Marina, serta satu ujian untuk mengetahui tentang mutu air di Singapura.

WISDOM AND HERITAGE LTD

Untuk menggalakkan budaya dan seni Melayu di Singapura, serantau dan antarabangsa.



PENGLIPUR LARA BERSAMA KELAB CELIK CILIK @ SEKOLAH RENDAH YUMIN

Kelab Celik Cilik dari Sekolah Rendah Yumin akan menyertai sambutan sempena Bulan Bahasa 2015 dengan sesi bercerita dan aktiviti-aktiviti untuk kanak-kanak.

Penglipur Lara

Melalui cerita rakyat, drama dan lagu, penglipur-penglipur cilik akan membawa para pengunjung ke dunia budaya dan sastera Melayu. Penonton pasti akan terpesona dengan persembahan mereka yang termasuk persembahan *rap* dan penyampaian puisi.

Aktiviti-aktiviti untuk Kanak-kanak

Keluarga-keluarga akan dapat menyertai aktiviti-aktiviti yang interaktif dan menyeronokkan yang diadakan khas untuk kanak-kanak. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah susun suai gambar, kraftangan membuat keris dan kuiz teka baju Melayu.

KELAB CELIK CILIK- SEKOLAH RENDAH YUMIN

Kelab Celik Cilik diilhamkan setelah menyedari bakat terpendam sekumpulan pelajar-pelajar yang mengambil bahasa Melayu. Bakat semula jadi para pelajar ini menonjol semasa penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti berbahasa Melayu yang dijalankan di sekolah. Bakat yang semakin terserlah ini harus digilap, maka tertubuhlah Kelab Celik Cilik pada tahun 2013. Pelajar-pelajar dari darjah satu hingga enam yang dikenal pasti akan dilatih dalam bahagian vokal dan lakonan. Pelajar-pelajar ini telah mengambil bahagian dalam peraduan bercerita antara sekolah dan pernah mendapat penghargaan dan meraih kemenangan. Selain daripada meningkatkan keyakinan pelajar dan mutu penggunaan bahasa Melayu, pelajar-pelajar juga mendapat pendedahan pada khazanah Melayu, sastera dan sejarahnya. Secara tidak langsung, pelajar-pelajar kami merupakan duta bahasa Melayu di Sekolah Rendah Yumin.



SEPAK TAKRAW DI GARDENS BY THE BAY

Kelab Sepak Takraw daripada Sekolah Menengah Yusof Ishak akan mempersembahkan sebuah pameran dan demonstrasi serta memberi peluang kepada para pengunjung untuk mencuba permainan tradisional Melayu – Sepak Takraw. Aktiviti-aktiviti pengenalan ini akan mendedahkan para pengunjung kepada kosa kata yang berkaitan dengan permainan sepak takraw dan menikmati keseronokan bermain sepak takraw.

PERMAINAN NAIKTANGGA@GARDENS BY THE BAY

NaikTangga merupakan permainan yang diolah daripada permainan *Snake & Ladder*. NaikTangga menawarkan peluang meraih pengetahuan bahasa Melayu dari pelbagai sudut. Untuk NaikTangga ke mercu, anda harus menjawab soalan-soalan beraneka kuiz yang mencabar minda justeru membangkitkan minat serta memupuk rasa cinta kepada bahasa dan budaya kita. Topik-topik kuiz sangat menarik untuk dicuba; dari topik tatabahasa kepada budaya serta petua nenek moyang kita.

Ayuh, NaikTangga bersama-sama! Membongkar pusaka bangsa dan menyelami lautan ilmu bahasa Melayu.

PERADUAN NYIDRA

Peraduan Nyidra dibuka kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dari darjah 1 hingga darjah 5. Pelajar harus menyanyi dan pada masa yang sama berlakon berdasarkan interpretasi mereka kepada lirik lagu yang telah dipilih. Peraduan Nyidra bertujuan untuk mempromosikan lagu-lagu Melayu dan bahasa Melayu. Pada masa yang sama, Peraduan Nyidra juga akan dapat memupuk keyakinan diri dan kreativiti dalam menyampaikan mesej melalui kaedah lakonan berlatar belakangkan lagu.

YUSOF ISHAK SECONDARY SCHOOL

Sekolah Menengah Yusof Ishak ditubuhkan pada tahun 1965 sebagai Sekolah Menengah Gabungan Jubilee. Pada 29 Julai 1966, Perdana Menteri pada waktu itu, Encik Lee Kuan Yew, merasmikan pembukaan Sekolah Menengah Yusof Ishak di Jubilee Road. Kami kekal menjadi satu-satunya sekolah yang dinamakan bersempena Presiden Singapura, iaitu Presiden Pertama Encik Yusof Bin Ishak.



Visi kami adalah untuk memupuk “Cendekiawan, Ahli Sukan dan Negarawan”, dalam kalangan pelajar yang dapat mencontohi perwatakan Encik Yusof Ishak. Kami menawarkan bidang tumpuan, ‘Seni Persembahan YI – mengasah pelbagai jenis bakat’ yang bertujuan mengetengahkan bakat pelajar dalam bidang seni melalui Program Komprehensif selama dua tahun dalam seni persembahan. Melalui seni, pelajar dapat dipupuk dengan nilai-nilai sekolah iaitu – Hormat, Tanggungjawab, Semangat Tidak Mudah Mengaku Kalah, Integriti, Keihsanan dan Keyakinan Diri.

Unit Bahasa Melayu dalam Jabatan Bahasa Ibunda sekolah kami secara aktif melibatkan para pelajar dalam program dan aktiviti-aktiviti seperti kuiz, drama dan mengambil bahagian dalam peraduan-peraduan agar dapat memupuk minat serta cinta akan bahasa dan budaya Melayu.



Senarai Rakan Kerjasama:

1. Angkatan Sasterawan 50 (ASAS'50)
2. Berita Harian
3. Chua Chu Kang GRC MAEC
4. Sekolah Tinggi Chung Cheng (Utama)
5. Sekolah Menengah Coral
6. Dover CC MAEC
7. Kumpulan Sokongan Bahasa Melayu Kelompok 1 Timur (Bahasa Melayu)
8. Faridzuan Faris
9. Funplay Workshop
10. Fuchun CC MAEC
11. Gardens by the Bay
12. Geylang Serai CC MAEC
13. Iman Kindergarten and Childcare Pte Ltd
14. Joo Chiat CC MAEC
15. Jurong GRC MAEC
16. Kesatuan Guru Melayu Singapura (KGMS)
17. Kim Seng CC MAEC
18. Lam Soon CC MAEC
19. Ethnic Shadows
20. Marine Parade CC MAEC
21. Mediacorp Ria 89.7FM
22. Mountbatten MAEC
23. Taman Warisan Melayu
24. Majlis Pembangunan Perbukuan Nasional Singapura
25. Lembaga Perpustakaan Negara
26. Nee Soon GRC
27. NowAsia
28. Nusantara World Music
29. Sekolah Menengah Orchid Park
30. Perbayu NTU
31. Perkumpulan Seni Singapura
32. Sekolah Sains dan Teknologi Singapura(SST)
33. Siglap South CC MAEC
34. Persekutuan Silat Singapura (PERSISI)
35. SRIWANA
36. Sri Warisan
37. Tampines GRC
38. Tampines West CC
39. Tampines North CC MAEC
40. Teater Artistik
41. Sekolah Menengah Teck Whye
42. Telok Blangah CC MAEC, Sekolah Rendah Blangah Rise
43. The Kaizen M.D.
44. Projek Bintang
45. T-Net Club
46. Variasi Performing Arts



47. Sekolah Rendah Wellington
48. Wisdom and Heritage Ltd
49. Sekolah Rendah Yumin
50. Sekolah Menengah Yusof Ishak